



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

| | |
|-----------|---------------|
| Newspaper | BERITA HARIAN |
| Date | 22/01/2018 |

Usah layan tuduhan Dr Mahathir

BA - 22/1/2018
1918
Arau: Pemimpin dan penyokong Barisan Nasional (BN) diminta tidak melayan tuduhan Tun Dr Mahathir Mohamad terhadap parti berkenaan, sebaliknya terus fokus dalam membantu rakyat.

Pengerusi UMNO Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim, berkata serangan berbentuk peribadi yang dilakukan Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) itu tidak menyelesaikan masalah yang dihadapi rakyat.

"Semua kenyataan, tuduhan dan serangan itu hanya mengurangkan sokongan terhadap mereka (pembangkang). Rakyat boleh menilai semua ini, permusuhan yang dilakukan ini tidak membawa ke mana-mana.

Bekerja keras bantu rakyat

"Semakin hari rakyat semakin bertambah, kita perlu bekerja lebih keras untuk mereka," katanya kepada pemberita selepas majlis Hadiah Mesra Bag 2 School 2018 di Pusat Khidmat Kubang Gajah, di sini semalam.

Pada majlis anjuran Pertubuhan Mesra Pengguna Malaysia (PMPM) berkenaan, seramai 100 pelajar dari seluruh Perlis menerima sumbangan beg sekolah.

+ Shahidan berkata, golongan yang 'menyerang' kerajaan langsung tidak membantu rakyat.